

# Peminjam wang dibunuh ala Mafia

Oleh TURMAZDI MADUN  
turmazdi.madun@kosmo.com.my

GOMBAK - Kemunculan sebuah kereta Ford berwarna kelabu bersama tiga lelaki di Kampung Kuala Garing, Rawang di sini semalam membawa ajal kepada seorang ketua kampung yang ditembak dan ditetak hingga mati.

Pembunuhan ala Mafia terhadap D. Kolandasamy, 47, berlaku pada pukul 8.22 pagi ketika mangsa berada di hadapan rumahnya sambil memerhati ternakannya.

Dua daripada tiga lelaki tersebut turun dari kereta dan menghampiri Kolandasamy sebelum mereka melepaskan tembakan dari jarak dekat ke arah mangsa.

Selepas ditembak, kepala dan leher mangsa kemudian ditetak beberapa kali dipercayai bagi memastikan mangsa mati.

Isteri mangsa, K. Renganagei, 51, yang sedang bersarapan keluar menjenguk selepas hairan terdengar bunyi bising orang bertengkar dengan suaminya.

"Sebaik dua lelaki nampak saya mereka



KOLANDASAMY

bertanya sama ada saya nampak atau tidak kejadian tembakan itu.

"Belum sempat saya menjawab, salah seorang lelaki itu melepas satu das tembakan ke arah saya tetapi nasib baik ia tersasar," cerita Renganagei.

Beliau yang ketakutan masuk semula ke dalam rumah dan hanya keluar selepas terdengar kereta tersebut beredar.

"Di hadapan rumah saya nampak suami saya terbaring berlumuran darah," cerita beliau.

Renganagei memberitahu, beliau telah menghubungi ahli keluarganya bagi memaklumkan kejadian itu sebelum membawa suaminya ke Hospital Tawakal di Jalan Pahang.

Bagaimanapun, Kolandasamy tidak sempat menerima rawatan kerana mati dalam perjalanan ke hospital.

Sementara itu, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Asisten Komisioner Khaw Kok Chin berkata, siasatan mendapati Kolandasamy yang merupakan ketua kampung juga melakukan kegiatan memberi

pinjaman wang sejak tiga tahun lalu.

"Kita menyiasat sama ada kegiatan memberi pinjaman wang itu mempunyai lesen atau sebaliknya," kata beliau.

Kata beliau, pemeriksaan di tempat kejadian mendapati kedua-dua suspek yang berusia antara 30 dan 40 tahun telah melepaskan dua das tembakan menggu-



KOK CHIN (kiri) memeriksa lokasi Kolandasamy dibunuh di Kampung Kuala Garing, Rawang semalam.

nakan pistol separa automatik.

"Satu das tembakan mengenai rusuk kanan Kolandasamy tembus ke dada manakala satu das tembakan lagi tersasar," katanya.

Ujarnya, polis turut menjumpai dua kelongsong peluru dan sebutir peluru hidup di tempat kejadian.

Kok Chin memberitahu, motif kejadian itu disiasat ke arah kemungkinan mangsa mempunyai musuh berkaitan memberi pinjaman wang.

"Kita juga melihat motif kejadian itu berkemungkinan mempunyai kaitan dengan sindiket dadah," ujar beliau.

Difahamkan mangsa mempunyai pejabat di ibu negara bagi memberi pinjaman wang.

Dalam pada itu, seorang daripada ahli keluarga itu yang enggan dikenali berkata, rumah tersebut merupakan milik ibu Kolandasamy.

Menurut beliau, setiap hari Kolandasamy datang ke rumah ini kerana ia mengusahakan ternakan angsa dan kambing sebelum pulang ke rumah sendiri di Taman Garing Jaya di sini.

Katanya, mangsa seorang pendiam telah berkahwin sejak 15 tahun lalu dan dikurniakan seorang anak lelaki berusia sembilan tahun.